Penerbit UMP berusaha terbitkan pelbagai karya ilmiah

Oleh: SHALFARINA SHAHRIMAN

Dalam usaha meningkatkan jumlah terbitan karya ilmiah di negara ini, Universiti Malaysia Pahang (UMP) menyahut saranan kerajaan supaya memperbanyakkan sumber bacaan bagi menampung keperluan pembacaan masyarakat.

Ia sejajar dengan matlamat kerajaan dalam melahirkan modal insan yang berpengetahuan tinggi serta menggalakkan usaha penulisan ilmiah dalam kalangan pensyarah universiti tempatan.

Pengarah Penerbit UMP, Profesor Madya Dr. Mohd Ghani Awang berkata, menyedari keperluan bahan rujukan di universiti semakin meningkat, Penerbit UMP berusaha menerbitkan pelbagai jenis karya ilmiah bagi tujuan pembelajaran pelajar.

"Buku yang diterbitkan di sini, amat bersesuaian dengan pelajar kerana mempunyai info yang padat dan gaya bahasa yang mudah difahami, serta dapat membantu pelajar memahami subjek dengan lebih berkesan.

"Antara contoh buku terbaru yang mendapat sambutan seperti *Applied Calculus, Applied Statistic* dan *Stastistical Table* yang sesuai diguna pakai oleh semua pelajar universiti teknikal di negara ini," katanya.

Mohd Ghani berkata, buku yang diperkenalkan itu sesuai bagi pembelajaran pelajar dalam bidang kejuteraan, pembuatan, sains komputer dan teknologi.

Katanya, judul buku yang dikeluarkan adalah terkini serta mempunyai maklumat yang dikehendaki pelajar jurusan berkenaan dan boleh membantu pelajar mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan.

"Kita juga tidak mengetepikan bahan rujukan bidang sains sosial kerana turut mempunyai buku berkaitan itu seperti Koleksi Soalan Hubungan Etnik, modul bahasa asing, Joomla Berinternet dan lain-lain lagi.

"Penerbit UMP juga menghimpunkan koleksi buku rujukan di dalam sistem *e-Book*, di mana pelajar boleh menelaah dan melihat buku terkini di dalam sistem itu," katanya.

Orang ramai yang berminat mendapatkan buku terbitan UMP, boleh menghubungi Penerbit UMP di talian 09-549 3320 atau layari laman web publisher.ump.edu.my.